

1. Kamil _____ kepalanya ke luar tingkap apabila mendengar ibunya memanggilnya _____ halaman rumah.

- ☐ A melepaskan
- ☐ B menampilkan
- ☐ C menjengulkan
- ☐ D mempamerkan

2. Sikap buruk Choi Peck yang suka keluar malam itu amat _____ keluarganya.

- ☐ A menyakitkan
- ☐ B menjejaskan
- ☐ C menakutkan
- ☐ D merisaukan

3. Arsyad _____ orang tua yang buta itu ketika melintas jalan raya.

- ☐ A memaut
- ☐ B memeluk
- ☐ C mencapai
- ☐ D memimpin

4. Ahli arkeologi itu _____ beberapa buah kotak kayu ketika menggali tanah di kawasan hutan itu.

- ☐ A mendepani
- ☐ B menjumpai
- ☐ C mendapati
- ☐ D melewati

5. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Pak Halim sedang _____ tanah untuk dibuat batas di antara petak sawahnya itu.

- ☐ A mencangkul
- ☐ B membajak
- ☐ C menimbus
- ☐ D memajak

6. Mak Cik Leha _____ tetamunya dengan ramah semasa majlis perkahwinan anaknya dua hari lepas.

- ☐ A memiliki
- ☐ B meratapi
- ☐ C melayani
- ☐ D menasihati

7. "Walau seberat mana ujian yang datang, kita perlulah sentiasa _____ nikmat yang _____ diberikan kepada kita," nasihat Ustaz Hafizi.

☐ A mentaati
☐ B menjilwai
☐ C mendiami
☐ D mensyukuri

8. Nenek Mariam _____ perangkap untuk menangkap musang yang sering makan ayam-ayam ternakannya.

☐ A memasang
☐ B memadam
☐ C memagar
☐ D memikat

9. Encik Hambali menyeru semua kakitangannya agar _____ kualiti kerja untuk melicinkan perjalanan operasi syarikat.

☐ A meneguhkan
☐ B membataskan
☐ C mengukuhkan
☐ D meningkatkan

10. Ayah pergi ke tadika itu untuk _____ nama adik sebagai murid.

☐ A menyarankan
☐ B mendaftarkan
☐ C mencanangkan
☐ D mencadangkan

11. Pengetua akan _____ 10 nama murid yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun ketika perhimpunan pagi nanti.

☐ A mengumumkan
☐ B memaklumkan
☐ C menceritakan
☐ D melafazkan

12. Sekumpulan pemuda di kampung itu akan _____ persatuan belia tidak lama lagi.

☐ A mengadakan
☐ B menubuhkan
☐ C menimbulkan
☐ D mempamerkan

13. Semasa _____ kepulangan ayah dari pejabat petang tadi, ibu tertidur di ruang tamu.

☐ A melihat
☐ B meninjau
☐ C menunggu
☐ D memerhati

14. "Bahan pencuci yang dikeluarkan oleh syarikat kami ini mampu _____ pelbagai j _____ bakteria yang terdapat di sekeliling kita terutamanya di rumah," kata jurujual itu kepada Puan Maya

- ☐ A menggelapkan
- ☐ B membebaskan
- ☐ C menghapuskan
- ☐ D menghindarkan

15. Api yang sedang marak itu hampir _____ ke rumah Azila.

- ☐ A merayap
- ☐ B merebak
- ☐ C menerjah
- ☐ D menusuk

16. Puan Ashikin sentiasa _____ suaminya yang sedang dirawat di hospital itu.

- ☐ A mendampingi
- ☐ B menghampiri
- ☐ C mendekati
- ☐ D merapati

17. Tentera komunis itu _____ senapang ke arah tawanan mereka.

- ☐ A mengacukan
- ☐ B menumpukan
- ☐ C menghulurkan
- ☐ D menempatkan

18. Guru besar akan _____ mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang diadakan pada hari esok.

- ☐ A mengarahkan
- ☐ B melaksanakan
- ☐ C mengacarakan
- ☐ D mempengerusikan

19. Ai Ling dan rakan-rakannya selalu _____ perbincangan secara berkumpulan untuk mengukuhkan pemahaman mereka terhadap sesuatu subjek.

- ☐ A menemukan
- ☐ B menetapkan
- ☐ C mengadakan
- ☐ D mengemukakan

20. Para pemain pasukan bola sepak Sepanyol sedang _____ piala sebagai meraikan kejuaraan mereka dalam Kejohanan Piala Dunia.

- ☐ A mengelek
- ☐ B menjinjing
- ☐ C menjulang
- ☐ D mengandar